

PENGUNAAN MODEL EAO UNTUK MERAMALKAN HASRAT BEKERJA SENDIRI DALAM KALANGAN BELIA DI NEGERI SABAH

USING EAO MODEL TO PREDICT THE SELF-EMPLOYMENT INTENTIONS AMONG YOUTH IN SABAH

¹ NOOR SYAKIRAH BINTI ZAKARIA

² AZIZAN MORSHIDI

³ DG JUNAIDAH AWANG DAMBUL

⁴ MOHAMAD IKHRAM MOHAMAD RIDZUAN

^{1,2,3&4} Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

*Corresponding author: syakirah@ums.edu.my

Dihantar/Received: 29 Ogos 2024 | Penambahbaikan/Revised: 4 Oktober 2024

Diterima/Accepted: 4 November 2024 | Terbit/ Published: 31 Disember 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v1i1.5832>

Abstrak Golongan belia di negara ini memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan sosio-ekonomi dan seterusnya menjadi penyumbang kepada kelestarian negara. Walau bagaimanapun, golongan ini tidak terkecuali berdepan dengan pelbagai isu khususnya berkaitan dengan pembangunan kerjaya masing-masing seperti pengangguran, ketepuan pasaran buruh dalam sektor formal, ketidakpadanan pekerjaan dan tahap pendidikan serta kemiskinan telah menjadi isu yang kompleks. Salah satu alternatif yang disarankan oleh pengkaji lepas adalah bekerja sendiri dan telah mendapat perhatian dan sokongan daripada pelbagai pihak. Namun, kerjaya ini masih lagi belum mendapat tempat sepenuhnya dalam kalangan belia kerana dalam konteks ini, peranan hasrat untuk bekerja sendiri adalah aspek yang sangat penting sebelum seseorang individu memulakan usaha untuk bekerja sendiri. Terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi hasrat untuk bekerja sendiri termasuklah faktor sikap yang telah menjadi faktor yang penting dalam menentukan hasrat untuk bekerja sendiri. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menilai empat dimensi berkaitan dengan faktor sikap yang boleh mempengaruhi hasrat untuk bekerja sendiri. Dengan menggunakan model *Entrepreneurial Attitude Orientation* (EAO), kajian tinjauan telah dilaksanakan ke atas 101 orang belia di negeri Sabah untuk mengkaji hubungan antara empat dimensi model EAO (pencapaian, inovasi, kawalan sendiri dan penghargaan sendiri) dengan hasrat untuk bekerja sendiri. Soal selidik telah diedarkan secara talian kepada belia-belia yang terpilih dalam kajian ini dan analisis data menggunakan perisian SPSS (versi 29) telah dilaksanakan iaitu ujian deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan dua dimensi EAO ini mempunyai hubungan yang signifikan terhadap hasrat untuk bekerja sendiri iaitu dimensi pencapaian dan penghargaan sendiri, manakala dimensi inovasi dan kawalan sendiri didapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan

hasrat untuk bekerja sendiri. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini memberikan satu sumbangan yang penting untuk mempromosikan dan menghasilkan imej bekerja sendiri yang positif sebagai kerjaya pilihan para belia.

Kata kunci: Keusahawanan, pekerja Gig, penciptaan kerja, kerjaya masa hadapan.

***Abstract** Youth in this country make significant contributions to the socio-economic development and further contribute to sustainability of the country. However, the youth is no exception to face various issues in regard to their career development such as unemployment, labour market saturation in formal sector, job and education level mismatch and poverty has become complex issues. One of the alternatives suggested by past researchers is self employment and has received the interest and support from various parties. However, this career is yet to gain place among the youth because in this context, the role of intention to self employment is a crucial aspect before an individual begins the effort to work for themselves. There are multiple factors that could influence the intention to self employment including attitude factor that has been an important factor in determine the intention to self employment. Therefore, this study was conducted to assess four dimensions related to attitude factors that may influence the intention to self employment. By using the Entrepreneurial Attitude Orientation (EAO) Model, survey study was executed on 101 youth in Sabah to study the relationship between four dimensions of EAO Model (achievement, innovation, perceived personal control and perceived self-esteem) with the intention to self employment. Questionnaires was distributed via online to the youths selected in this study and data analysis was conducted using SPSS software (version 29) consists of descriptive and inferential analysis. The findings of the study show that the two dimensions of EAO have a significant relationship towards the intentions self employment which are the achievement and self-esteem, while dimension of innovation and perceived personal control are found to have no significant relationship with the intention to self employment. Overall, research findings in this study provide an important contribution to promote and produce a positive image of self employment as a career path for youth.*

Keywords: Entrepreneurship, employment, gig worker, job creation, future career, EAO Model.

PENDAHULUAN

Golongan belia merupakan modal insan yang bernilai kepada negara kerana mereka merupakan aset yang penting dalam memastikan kelestarian pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Di Malaysia, definisi belia berdasarkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) merujuk kepada mana-mana individu berumur antara 15 hingga 40 tahun. Namun demikian, melalui pindaan Akta A1602 pada 2019 yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026, definisi belia telah berubah dan akan merujuk kepada mereka yang berusia antara 18 hingga 30 tahun. Perubahan ini dilaksanakan untuk menyelaraskan definisi belia supaya lebih setara dengan negara-

negara lain di seluruh dunia (International Labour Office (ILO), 2019; International Labour Organization, 2022). Perubahan definisi belia di Malaysia adalah relevan bagi mempersiapkan golongan belia yang akan menyambung legasi kepimpinan dan kesejahteraan negara melalui sumbangan dalam bentuk pengetahuan, kemahiran serta kebolehan yang dimiliki para belia untuk memastikan sesebuah negara kekal berdaya saing di arena antarabangsa.

Namun demikian, tidak dapat dinafikan terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh golongan belia termasuklah isu kemiskinan dan pengangguran dalam kalangan belia serta peningkatan golongan belia yang berpendidikan serta mempunyai kemahiran yang tinggi yang terpaksa menerima pekerjaan yang tidak sepadan dengan tahap pendidikan mereka (*under employment*) (International Labour Organization, 2022; Surianshah et al., 2020). Situasi ini mampu mencetuskan kebimbangan kerana isu-isu pekerjaan yang dihadapi oleh golongan belia boleh mencetuskan pelbagai masalah sosio ekonomi yang mampu mengancam kesejahteraan negara. Walaupun wujud tindakan proaktif daripada pihak kerajaan untuk mengatasi isu yang dihadapi oleh golongan belia, namun pihak kerajaan juga mempunyai batasan tertentu untuk memenuhi semua keperluan pekerjaan untuk masyarakat terutamanya golongan belia ini (Burchell et al., 2015; Zakaria et al., 2023).

Sebagai alternatif, bekerja sendiri telah dilihat sebagai salah satu kaedah yang berkesan untuk mengatasi isu pengangguran, kemiskinan serta peluang pekerjaan di sektor formal yang semakin terhad. Pihak kerajaan Malaysia juga tidak berkecuali untuk menyokong usaha memperkasakan belia untuk menceburi pekerjaan sendiri (Kementerian Pengajian Tinggi, 2021; Zakaria & Awang Ahmad, 2023). Bekerja sendiri merangkumi aktiviti keusahawanan, *freelancers*, kontraktor, konsultan dan pekerja gig (Halvorsen & Morrow-Howell, 2017). Penciptaan pelbagai peluang pekerjaan yang baru, autonomi dalam membuat keputusan serta memberi peluang untuk melaksanakan inovasi dan kreativiti merupakan kelebihan kepada belia-belia yang berminat untuk menceburi kerjaya ini. Pelbagai aspek sokongan yang telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan melalui bantuan-bantuan daripada aspek latihan, pembiayaan kewangan serta sokongan yang lain seperti konsep mentor mentee perniagaan dan lain-lain lagi (Kementerian Pengajian Tinggi, 2022; Mainor & Lai, 2020).

Pembudayaan bekerja sendiri ini juga telah menarik minat ramai pihak dan melalui penelitian terhadap kajian lepas mendapati bahawa, perbincangan tentang bekerja sendiri telah mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik, pengamal, penggubal dasar dan pelbagai agensi kerajaan, universiti dan pusat pengajian tinggi yang lain serta para graduan (Adenutsi, 2023; Al-Harrasi et al., 2014; International Labour Organization, 2022; Kementerian Pengajian Tinggi, 2021, 2022; Robinson et al., 1991; Zovko et al., 2020). Perkembangan kajian terhadap pembudayaan bekerja sendiri menunjukkan peningkatan yang ketara sejak beberapa dekad yang lalu seiring dengan perubahan landskap ekonomi, teknologi dan sosial di sesebuah negara termasuklah pengenalan ekonomi gig serta konsep bekerja bebas (*freelance*), kemajuan penggunaan teknologi dan juga keusahawanan digital (Fish & Srinivasan, 2012; Meijerink et al., 2021; Ratten, 2023; Zakaria & Awang Ahmad, 2023).

Disamping itu juga, ketepuan dalam pasaran buruh di sektor formal, ketidakpastian yang dihadapi seperti penularan wabak COVID-19, isu kemiskinan dan juga pengangguran yang dihadapi oleh negara-negara sama ada negara membangun atau sedang membangun telah mendorong kepada

pembangunan dan pemeraksanaan usaha untuk menggalakkan rakyat bekerja sendiri atau dengan kata lain terlibat dalam keusahawanan (Zakaria et al., 2023). Tambahan lagi, penyelidikan yang berkaitan dengan bekerja sendiri dalam konteks hubungan industri dan pekerjaan adalah dinamik dan penting khususnya dalam mencerminkan kepelbagaian dalam persekitaran kerja moden.

Menyedari kepentingan untuk membudayakan amalan bekerja sendiri khususnya dalam kalangan belia di negeri Sabah ini, maka kajian ini telah dilaksanakan untuk meninjau hasrat untuk bekerja sendiri dalam kalangan belia di negeri Sabah. Dengan mengaplikasikan model EOA (*Entrepreneurial Attitude Orientation* (EAO)), kajian ini telah dilaksanakan bagi mengkaji hasrat untuk bekerja sendiri dalam kalangan belia yang terpilih di negeri Sabah ini.

SOROTAN KAJIAN

International Labour Office (ILO) (2019) telah menjelaskan bahawa menggalakkan rakyat untuk meneroka peluang bekerja sendiri adalah langkah yang penting kepada sesebuah negara khususnya daripada aspek ekonomi, fleksibiliti dan autonomi serta peluang pekerjaan. Bekerja sendiri menyumbang kepada pembangunan ekonomi melalui galakan aktiviti keusahawanan, inovasi dan juga penciptaan pekerjaan baru. Bekerja sendiri juga menyediakan peluang fleksibiliti dalam pengurusan masa dan tempat serta memberi kuasa autonomi dalam membuat keputusan tentang kerja mereka. Seterusnya, bekerja sendiri mampu membuka ruang yang lebih besar khususnya kepada graduan yang berdepan dengan masalah limitasi dalam peluang pekerjaan di sektor formal.

Aktiviti keusahawanan dalam kalangan belia memerlukan usaha yang berterusan daripada semua pihak bagi menggalakkan serta memupuk minat para belia untuk menjadikan bidang ini sebagai kerjaya masa depan. Tambahan lagi, aktiviti bekerja sendiri ini mampu membuka peluang kepada belia-belia di negeri Sabah khususnya kerana negeri ini terkenal dengan pelbagai sumber semulajadi yang boleh dimanfaatkan oleh golongan belia dalam melaksana aktiviti-aktiviti bekerja sendiri (Laman Rasmi Kerajaan Negeri, 2024).

Namun demikian, usaha untuk menggalakkan budaya bekerja sendiri dalam kalangan belia bukanlah satu usaha yang mudah, sebaliknya memerlukan pemahaman yang komprehensif terhadap hasrat untuk menjadikan bekerja sendiri ini sebagai satu peluang menjana pendapatan yang lebih baik. Bukti empirikal daripada kajian lepas seperti oleh Zakaria et al., (2020) serta Moy dan Lee (2002) menunjukkan para graduan mempunyai kecenderungan untuk memilih bekerja dengan syarikat besar yang menawarkan pelbagai atribut-atribut pekerjaan yang menarik jika dibandingkan dengan keinginan untuk bekerja di organisasi kecil atau bekerja sendiri. Selain daripada itu juga, pihak Kementerian Pengajian Tinggi (2022) mendapati daripada sejumlah 93,352 mahasiswa yang telah menyertai aktiviti keusahawanan pada tahun 2021, hanya 9.78 peratus atau seramai 9,131 (9.78 peratus) sahaja yang berminat untuk meneruskan aktiviti bekerja sendiri ini (Kementerian Pengajian Tinggi, 2022). Situasi ini menunjukkan, walaupun pelbagai inisiatif dan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak-pihak berkepentingan seperti kerajaan melalui kementerian-kementerian yang terbabit, sektor swasta serta pusat pengajian tinggi, namun objektif utama untuk menggalakkan budaya keusahawanan masih perlu dipergiatkan terutamanya dalam konteks belia di negeri Sabah (Zakaria & Awang Ahmad, 2023).

Kajian-kajian lepas turut menunjukkan penglibatan dalam bekerja sendiri berkait rapat dengan hasrat seseorang untuk menjadikan bekerja sendiri sebagai satu kerjaya mereka. Elemen berkaitan dengan hasrat seseorang adalah penting dan menjadi asas kepada pembudayaan bekerja sendiri kerana hasrat untuk bekerja sendiri merupakan keputusan yang diambil oleh seseorang secara sedar untuk memulakan dan menguruskan perniagaan atau bekerja secara bebas berbanding bekerja dengan orang lain (Liñán & Rodríguez-Cohard, 2015). Namun demikian, hasrat untuk bekerja sendiri ini boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan antara yang telah dikenal pasti dalam kajian lepas adalah berkait dengan faktor psikologi, personal, sosial, ekonomi dan persekitaran.

Terdapat juga pengkaji-pengkaji yang mengkaji dengan menggunakan model integrasi yang merangkumi beberapa faktor untuk mengkaji mengenai hasrat untuk bekerja sendiri seperti model *Theory of Planned Behaviour* (TPB). Model ini digunakan bagi mengkaji tingkah laku, norma subjektif serta kawalan tingkah laku yang boleh digunakan dalam meramal hasrat atau niat untuk melakukan sesuatu perkara (Ajzen, 1991; Liñán et al., 2011; Shariff & Saud, 2009; Zakaria & Awang Ahmad, 2023). Walau bagaimanapun, teori TPB ini tidak menawarkan perbincangan secara komprehensif mengenai pengaruh sikap terhadap hasrat seseorang individu tersebut. Tambahan lagi, penelitian terhadap penyelidikan lepas mendapati, kajian yang menfokuskan mengenai sikap terhadap hasrat untuk bekerja sendiri masih lagi terhad dan dilaksanakan secara umum meskipun terdapat bukti empirikal yang menunjukkan sikap seseorang mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap hasrat untuk bekerja sendiri (Kisubi et al., 2021; Mainor & Lai, 2020; Md Sum et al., 2021).


Secara lebih spesifik, Liñán, (2005) telah membuktikan bahawa sikap individu adalah antara faktor yang signifikan dalam memahami niat untuk bekerja sendiri. Begitu juga dengan Rippa et al., (2020) yang mendapati sikap yang positif dapat membantu seseorang mampu untuk bertahan dengan pelbagai cabaran dalam bidang pekerjaan dan sikap positif tersebut dapat mempengaruhi persepsi bahawa bekerja sendiri adalah pilihan kerjaya yang menarik dan mempunyai peluang yang cerah untuk berjaya. Dengan kata lain, sikap adalah merujuk kepada penilaian yang dipegang oleh individu sama ada ke arah positif atau negatif untuk menjadi usahawan. Menurut Dvouletý (2018) kesanggupan untuk berdepan dengan pelbagai risiko, mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dan optimis, keinginan untuk mencapai kejayaan serta mempunyai keinginan untuk mendapatkan autonomi dalam melakukan kerja, kecekapan sendiri dan fokus dalaman yang tinggi adalah sikap yang perlu ada dalam diri seseorang belia yang mempunyai hasrat untuk bekerja sendiri.

Oleh itu, Climent-Rodríguez et al., (2020) menjelaskan sikap ini dapat dipupuk melalui pembelajaran secara aktif melalui pengalaman dan persekitaran mereka sendiri. Berdasarkan kepentingan sikap terhadap hasrat untuk bekerja sendiri, maka kajian ini telah menggunakan model *Entrepreneurial Attitude Orientation* (EAO) dalam usaha untuk mengkaji mengenai hubungan antara sikap dan hasrat untuk bekerja sendiri. Model yang diperkenalkan oleh Robinson et al., (1991) yang memberi penekanan terhadap kepentingan untuk memahami sikap melalui empat elemen sikap iaitu:

- i. **Pencapaian dalam perniagaan** yang merujuk kepada keputusan yang konkrit yang berkaitan dengan memulakan perniagaan serta peningkatan usaha dalam perniagaan.

- ii. **Inovasi dalam perniagaan** adalah berkaitan dengan persepsi dan tindakan terhadap aktiviti perniagaan atau bekerja sendiri dengan cara yang baharu dan unik.
- iii. **Persepsi berkenaan dengan kawalan peribadi** terhadap hasil perniagaan, pengaruh ke atas perniagaannya
- iv. **Penghargaan sendiri** adalah berkaitan dengan keyakinan diri dan persepsi kecekapan seseorang individu dalam proses pengurusan perniagaannya.

Empat-empat dimensi berkaitan dengan sikap ini telah digunakan oleh para pengkaji lepas memahami motivasi seseorang untuk meneruskan usaha untuk bekerja sendiri berdasarkan pemboleh ubah sikap sebagai peramal utama (Aloulou, 2016; Ismail et al., 2013; Robinson et al., 1991; Soomro et al., 2021). Secara ringkasnya, Rajah 1.1 menunjukkan kerangka kajian dalam penyelidikan ini yang mengaplikasikan model EOA dalam mengkaji hubungan sikap terhadap hasrat untuk bekerja sendiri.



Rajah 1.1
Kerangka kajian

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan *convenience*, dimana responden dipilih berdasarkan kemudahan akses dan ketersediaan mereka pada waktu kajian dijalankan. Seramai 500 orang belia telah dipelawa untuk menyertai kajian ini, namun hanya 101 orang bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini. Pemilihan persampelan ini dipilih sesuai dengan saranan Hurland et al., (2017) yang menjelaskan sekiranya kajian yang dilakukan bertujuan untuk menguji kebenaran kesan teori yang dicadangkan maka persampelan *convenience* adalah bersesuaian dan mencukupi.

Bagi proses pengutipan data, soal selidik dengan menggunakan lima mata skala likert telah digunakan sebagai instrumen kajian dan diedarkan secara talian menggunakan medium

Microsoft Forms. Soal selidik yang diedarkan terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu bahagian demografik dan bahagian kedua adalah berkenaan dengan empat dimensi EOA iaitu pencapaian, inovasi, kawalan sendiri serta penghargaan sendiri dan bahagian ketiga adalah berkaitan dengan hasrat untuk bekerja sendiri. Soal selidik diadaptasi daripada Ismail et al., (2013) dan Robinson et al., (1991) telah digunakan dalam kajian ini bagi mengukur pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. Seramai 101 orang belia di seluruh negeri Sabah terlibat dan data-data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS versi 28 dan melibatkan ujian deskriptif yang terdiri daripada nilai kekerapan, peratusan, nilai min dan sisihan piawai dan juga analisis inferensi yang melibatkan ujian korelasi dan regresi pelbagai.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden Kajian

Jadual 1.1 menunjukkan ringkasan demografi responden dalam kajian ini yang terdiri daripada jantina, umur, bangsa serta daerah asal para belia yang terpilih. Berdasarkan analisis deskriptif, majoriti responden adalah belia perempuan iaitu 74 peratus (75 orang) manakala belia lelaki pula terdiri daripada 26 peratus yang mewakili 26 orang belia lelaki. Bagi kategori umur, belia yang berumur 21 tahun adalah sebanyak 23 peratus, diikuti oleh pelajar berumur 22 tahun sebanyak 41 peratus atau 41 orang belia dan bagi umur 23 tahun adalah sebanyak 35 peratus. Bagi kategori umur 24 dan 26 tahun, masing-masing mencatatkan peratus yang sama iaitu satu peratus yang mewakili seorang belia dalam kategori umur tersebut.

Majoriti responden kajian ini adalah terdiri daripada pelbagai etnik Bumiputera Sabah yang mewakili 73 peratus atau 74 orang responden. Manakala bagi responden berbangsa Melayu adalah seramai 20 orang iaitu 20 peratus, responden berbangsa Cina dan India masing-masing adalah seramai 5 orang (5 peratus) dan 2 orang (2 peratus). Bagi kategori daerah pula, responden yang tinggal yang berasal daripada Sandakan, Tawau dan juga Beaufort adalah melebihi 10 orang responden, manakala daerah yang lain, diwakili kurang daripada 10 orang responden kajian. Para responden kajian turut ditanyakan mengenai minat mereka untuk bekerja sendiri dan kebanyakan daripada mereka mempunyai minat untuk bekerja sendiri pada masa hadapan iaitu sebanyak 68 peratus manakala tidak pasti adalah sebanyak 27 peratus dan 5 orang responden tidak berminat untuk bekerja sendiri.

Jadual 1.1
Demografi Responden

Demografi	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	26	26
Perempuan	75	74
Umur		
21 tahun	23	23
22 tahun	41	41

23 tahun	35	35
24 tahun	1	1
26 tahun	1	1
Bangsa		
Melayu	20	20
Cina	5	5
India	2	2
Bumiputera Sabah	74	73
Daerah Asal		
Beaufort	11	11
Beluran	2	2
Keningau	3	3
Kota Belud	5	5
Kota Kinabalu	6	6
Kota Kinabatangan	1	1
Kota Marudu	3	3
Kudat	3	3
Kunak	2	2
Lahad Datu	3	3
Papar	6	6
Penampang	1	1
Pitas	6	6
Putatan	1	1
Ranau	3	3
Sandakan	15	15
Semporna	3	3
Tawau	13	13
Telupid	1	1
Tenom	3	3
Tongod	6	6
Tuaran	4	4
Berminat untuk bekerja sendiri		
Ya	69	68
Tidak	5	5
Tidak pasti	27	2

Kebolehpercayaan item adalah penting dalam menentukan kestabilan dan ketekalan item yang digunakan dalam sesebuah kajian (Sekaran, 2014). Oleh itu, kajian ini juga tidak terkecuali menguji analisis ketekalan inter-item dan keputusan analisis tersebut diringkaskan dalam Jadual 1.2. Berdasarkan keputusan ujian tersebut, nilai Cronbach's alpha (α) bagi kajian ini adalah 0.7 dan ke atas yang menunjukkan tahap ketekalan yang baik (Pallant, 2020).

Jadual 1.2
Analisis Kebolehpercayaan item kajian

Pemboleh ubah	No. item	Nilai Cronbach's alpha (α)
Pencapaian	6	.878
Inovasi	6	.864
Kawalan sendiri	5	.862
Penghargaan sendiri	6	.714
Hasrat untuk bekerja sendiri	6	.946

Jadual 1.3 meringkaskan analisis berkenaan dengan nilai min dan sisihan piawai bagi kesemua pemboleh ubah yang dikaji dalam kajian ini. Para belia yang terlibat dalam kajian ini, menilai bahawa mereka sangat mementingkan pencapaian (min=4.50; SD =.486), kawalan sendiri (min=4.45; SD = .490) serta menekankan aspek inovasi (min = 4.41; SD =.528). Manakala bagi penghargaan sendiri pula berada pada tahap tinggi (min = 3.98; SD =.574) dan hasrat untuk bekerja sendiri pula, skor min ialah 3.55 (SD = .966) yang dikategorikan pada tahap tinggi. Penilaian untuk menentukan tahap ini adalah berdasarkan saranan oleh Mahmoed dan Ahmad, (2005) serta Shamsudin dan Abdul Rahman (2013) yang telah mengkategorikan nilai min 2.59 dan ke bawah adalah berada pada tahap rendah, 2.60-3.40 pula berada pada tahap sederhana, 3.41 hingga 4.20 berada pada tahap baik dan nilai min 4.1 dan ke atas adalah pada kedudukan yang sangat baik.

Jadual 1.3
Analisis nilai min dan sisihan piawai

	Nilai Min	Sisihan piawai	Tahap
Pencapaian	4.50	.486	Sangat tinggi
Inovasi	4.41	.528	Sangat tinggi
Kawalan peribadi	4.45	.490	Sangat tinggi
Penghargaan sendiri	3.98	.574	Tinggi
Hasrat bekerja sendiri	3.55	.966	Tinggi

Jadual 1.4 menunjukkan hasil analisis korelasi bagi kajian ini. Secara keseluruhan, terdapat hubungan signifikan antara pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini iaitu pencapaian, inovasi, kawalan peribadi dan penghargaan sendiri dengan hasrat untuk bekerja sendiri dengan nilai r antara 0.399 ($p<0.001$) hingga 0.520 ($p<0.001$).

Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif pada tahap sederhana antara pencapaian dan hasrat untuk bekerja sendiri dengan nilai $r = 0.446$ ($p<0.001$). Manakala, nilai korelasi bagi inovasi adalah $r=0.443$ ($p<0.001$). sementara itu, korelasi antara kawalan peribadi dan hasrat untuk bekerja sendiri pula menunjukkan nilai $r=0.399$ ($p<0.001$) dan akhir sekali, nilai korelasi penghargaan sendiri dan hasrat untuk bekerja sendiri menunjukkan hubungan positif yang lebih kuat dengan hasrat untuk bekerja sendiri dengan nilai $r=0.520$ ($p<0.001$).

Jadual 1.4
Ringkasan Analisis Korelasi Kajian

	Pencapaian	Inovasi	Kawalan Peribadi	Penghargaan sendiri	Hasrat Bekerja Sendiri
Pencapaian	1				
Inovasi	.677**	1			
Kawalan peribadi	.705**	.707**	1		
Penghargaan sendiri	.435**	.582**	.710**	1	
Hasrat bekerja sendiri	.446**	.443**	.399**	.520**	1

Berdasarkan keputusan dalam Jadual 1.5, statistik F (13.237; sig. = < 0.01) menunjukkan bahawa secara statistik menunjukkan model regresi ini adalah signifikan. Oleh itu, hubungan antara EAO dan hasrat untuk bekerja sendiri adalah signifikan secara statistik. Tambahan pula, nilai *R-squared* (0.355) menunjukkan bahawa 35.5% varians dalam hasrat untuk bekerja sendiri dijelaskan oleh dimensi-dimensi EAO manakala faktor lain yang tidak dibincangkan dalam kajian ini menyumbang kepada 64.5 %. Keputusan analisis ini juga menunjukkan bahawa daripada dua dimensi EAO iaitu, pencapaian ($\beta = 0.352$, $p < 0.06$) dan penghargaan sendiri ($\beta = 0.505$, $p < 0.001$) telah mempengaruhi secara positif dan signifikan hasrat untuk bekerja sendiri. Walau bagaimanapun dalam kajian ini, inovasi ($\beta = 0.117$, $p > 0.05$) dan kawalan peribadi ($\beta = -0.291$, $p > 0.05$) bukanlah faktor yang mempengaruhi hasrat untuk bekerja sendiri dalam kalangan belia di negeri Sabah.

Jadual 1.5
Ringkasan Analisis Regresi Pelbagai

	Nilai Beta	t	Sig.	Tolerance	VIF
Pencapaian	.352	2.787	.006	.421	2.377
Inovasi	.117	.919	.360	.415	2.411
Kawalan peribadi	-.291	-1.895	.061	.285	3.509
Penghargaan sendiri	.505	4.196	<.001	.463	2.158
R ²	.355				
Adjusted R ²	.329				
F-statistik	13.237 (<.001)				

Pemboleh ubah bersandar: Hasrat bekerja sendiri

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat dirumuskan bahawa para belia yang terpilih dalam kajian ini mempunyai hasrat untuk bekerja sendiri dimana 68 peratus responden menyatakan minat untuk bekerja sendiri. Tambahan lagi, analisis untuk nilai min dan sisihan piawai pula menunjukkan hasrat untuk bekerja sendiri mempunyai skor min pada tahap tinggi iaitu 3.55 (SD = .966). Dapatan analisis korelasi dalam kajian ini turut mendedahkan, semakin tinggi rasa pencapaian seseorang belia, semakin kuat hasrat untuk menjadikan bekerja sendiri sebagai kerjaya masa depan. Begitu

juga belia yang mempunyai pemikiran inovasi, dimana mereka akan lebih berminat untuk bekerja sendiri kerana idea-idea dan kreativiti memainkan peranan yang penting dalam memupuk hasrat untuk bekerja sendiri. Seterusnya, walaupun hasil kajian mendapati kawalan peribadi menunjukkan nilai korelasi yang lebih rendah berbanding dengan pemboleh ubah yang lain, namun nilai yang signifikan menunjukkan seseorang belia yang mempunyai mempunyai kemampuan untuk mengawal dan menentukan hala tuju hidup mereka, akan lebih cenderung untuk memilih bekerja sendiri sebagai kerjaya mereka. Dapatan kajian ini juga menunjukkan, penghargaan sendiri yang merupakan pemboleh ubah yang mempunyai nilai kolerasi yang tinggi dengan hasrat untuk bekerja sendiri, yang membawa makna penting dimana semakin tinggi keyakinan terhadap nilai dan kebolehan diri sendiri, maka semakin besar motivasi seseorang untuk bekerja sendiri.

Dalam konteks kajian ini juga, dimensi pencapaian dan penghargaan sendiri merupakan dua dimensi sikap (EAO) yang mempengaruhi keinginan untuk bekerja sendiri dalam kalangan belia di negeri Sabah ini. Belia yang mempunyai pencapaian yang baik melalui perancangan, kesungguhan serta rakan strategik perniagaan yang baik akan lebih cenderung untuk memilih bekerja sendiri kerana mereka mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menghadapi cabaran mendatang. Melalui pencapaian diri, mereka mempunyai motivasi dan kesedaran terhadap setiap potensi dan kebolehan diri untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Oleh itu, kajian ini secara empirikal telah membuktikan bahawa pencapaian mempunyai impak positif dan signifikan terhadap hasrat untuk bekerja sendiri dalam kalangan belia di Sabah.

Selain daripada dimensi pencapaian, belia yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi bersedia untuk mengambil risiko khususnya dalam situasi yang tidak menentu di persekitaran perniagaan. Kepercayaan terhadap kebolehan diri serta kemampuan untuk mengatasi cabaran menjadikan mereka lebih berminat untuk bekerja sendiri. Tambahan lagi, terdapat golongan belia yang lebih tertarik dengan pemilihan kerjaya yang mampu menawarkan autonomi dan kebebasan dalam menentukan hala tuju mereka pada masa hadapan. Selain daripada itu, penghargaan sendiri yang tinggi dalam kalangan belia juga berkait rapat dengan motivasi dalaman untuk berusaha demi kejayaan. Belia yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi juga mempunyai ketahanan mental dan bersedia untuk bangkit apabila usaha mereka menemui jalan buntu dengan memberikan fokus kepada pertumbuhan dan pembangunan diri untuk meneroka peluang baharu.

Cadangan Penambahbaikan untuk mendorong hasrat untuk bekerja sendiri dalam kalangan belia di Sabah

Berdasarkan dapat kajian ini, terdapat beberapa langkah yang boleh dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan untuk memperkasakan belia untuk bekerja sendiri. Antaranya adalah:

- a. Pihak kerajaan negeri Sabah dan agensi kerajaan yang berkaitan boleh mempelbagaikan lagi aktiviti untuk mewujudkan kesedaran serta minat dalam kalangan peserta khususnya berkaitan dengan potensi dan peluang yang ada untuk membangunkan kerjaya sebagai seorang usahawan disamping memupuk sikap positif untuk memanfaatkan peluang yang diberikan oleh pihak kerajaan agar mereka mampu mencapai kehidupan yang lebih baik. Antara aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah memperkasakan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk menguruskan perniagaan.

- b. Para belia perlu didedahkan kepada perancangan strategi perniagaan yang mengintegrasikan kesemua aspek pengurusan termasuklah aspek teknikal dan praktikal yang merangkumi aspek-aspek berikut:
 - i. Pengurusan kewangan
 - ii. Pengurusan operasi
 - iii. Pengurusan sumber manusia
 - iv. Pemasaran produk atau perkhidmatan serta jualan
- c. Para belia diberikan peluang untuk dibimbing oleh pakar dalam bidang keusahawanan untuk membantu memahami selok belok perniagaan termasuklah tip kejayaan, strategi perniagaan dan teknik-teknik untuk melestarikan perniagaan. Konsep bimbingan melalui pendekatan *coaching & mentoring* perniagaan akan membantu belia untuk mendapatkan nasihat, motivasi perniagaan, panduan serta dapat merujuk sekiranya ada kekeliruan atau isu-isu berkenaan dengan perniagaan daripada mereka yang mempunyai kepakaran dan pengalaman. Dengan kata lain, mentor perniagaan akan membantu peserta daripada aspek-aspek berikut:
 - i. Perkongsian ilmu pengetahuan dan pengalaman dalam menguruskan perniagaan
 - ii. Panduan dan tunjuk ajar secara langsung daripada mentor yang telah berjaya
 - iii. Jaringan rangkaian perniagaan yang lebih luas
 - iv. Membantu untuk melestarikan perniagaan
 - v. Membantu memantau prestasi perniagaan

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa sikap memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi hasrat untuk bekerja sendiri dalam kalangan belia di negeri Sabah ini. Penciptaan peluang pekerjaan secara bekerja sendiri akan membantu memastikan masyarakat dan negeri Sabah tidak lagi berdepan dengan isu-isu pengangguran dan kemiskinan dalam kalangan belia kerana impak negatif yang menyebabkan pelbagai masalah sosial yang lain. Dalam konteks memperkasakan pembudayaan bekerja sendiri, semua pihak perlu berganding bahu untuk mengembeling usaha untuk memastikan para belia diberikan peluang dan ruang yang secukupnya untuk melaksanakan semua aktiviti berkaitan dengan bekerja sendiri. Sokongan yang diberikan oleh kesemua pihak ini dapat membantu melestarikan kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat khususnya belia di negeri Sabah.

RUJUKAN

- Adenutsi, D. E. (2023). Entrepreneurship, Job Creation, Income Empowerment and Poverty Reduction in Low-Income Economies. *Theoretical Economics Letters*, 13(06), 1579–1598. <https://doi.org/10.4236/tel.2023.136089>.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behaviour and Human Decision Processes*, 50, 179–211. <https://doi.org/10.3390/ijerph17155293>.

- Al-Harrasi, A. S., Al-zadjali, E. B., & Al-Salti, Z. S. Z. S. (2014). Factors Impacting Entrepreneurial Intention: A Literature Review. *International Journal of Social, Management, Economics and Business Engineering*, 8(8), 2438–2441. All Papers/A/Al-harrasi et al. 2014 - Factors Impacting Entrepreneurial Intention - A Literature Review.pdf.
- Aloulou, W. J. (2016). Predicting entrepreneurial intentions of freshmen students from EAO modeling and personal background: A Saudi perspective. *Journal of Entrepreneurship in Emerging Economies*, 8(2), 180–203. <https://doi.org/10.1108/JEEE-09-2015-0050>.
- Burchell, B., Coutts, A., Hall, E., & Pye, N. (2015). Self-employment programmes for young people: A review of the context, policies and evidence. ILO Working Papers, 198. <https://ideas.repec.org/p/ilo/ilowps/994898993402676.html>.
- Climent-Rodríguez, J. A., Navarro-Abal, Y., Sánchez-López, C., Galán-García, A., & Gómez-Salgado, J. (2020). The relationship between self-employed workers' entrepreneurial attitude and health status. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(6), 1–11. <https://doi.org/10.3390/ijerph17061892>.
- Ej Dvouletý, O. (2018). Determinants of Self-employment with and without Employees: Empirical Findings from Europe. *International Review of Entrepreneurship*, 16(3), 405–426.
- Fish, A., & Srinivasan, R. (2012). Digital labor is the new killer app. *New Media and Society*, 14(1), 137–152. <https://doi.org/10.1177/1461444811412159>.
- Halvorsen, C. J., & Morrow-Howell, N. (2017). A conceptual framework on self-employment in later life: Toward a research agenda. *Work, Aging and Retirement*, 3(4), 313–324. <https://doi.org/10.1093/workar/waw031>.
- Hulland, J., Baumgartner, H., & Smith, K. M. (2017). Marketing survey research best practices: evidence and recommendations from a review of JAMS articles. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 46(1), 92–108. <https://doi.org/10.1007/s11747-017-0532-y>.
- International Labour Office (ILO). (2019a). From School To Work: An analysis of youth labour market transitions. ILOStat, October, 1–11.
- International Labour Office (ILO). (2019b). Small businesses and self-employed provide most jobs worldwide, new ILO report says. <https://www.ilo.org/resource/news/small-businesses-and-self-employed-provide-most-jobs-worldwide-new-ilo>.
- International Labour Organization. (2022). Global employment trends for youth 2022. In *Global employment trends for youth 2022: investing in transforming futures for young people*. https://www.ilo.org/wcmsp5/groups/public/---dgreports/---dcomm/---publ/documents/publication/wcms_853321.pdf.
- Ismail, N., Jaffar, N., & Hooi, T. S. (2013). Using EAO Model to Predict the Self-Employment Intentions among the Universities' Undergraduates in Malaysia. *International Journal of Trade, Economics and Finance*, 4(5), 282–287. <https://doi.org/10.7763/ijtef.2013.v4.302>.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2021). Lestarikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan graduan. <https://www.mohe.gov.my/>.

- Kementerian Pengajian Tinggi. (2022). KPT Dukung Kelestarian Agenda Keusahawanan Di IPT. <https://www.mohe.gov.my/hebahan/sorotan-aktiviti/kpt-dukung-kelestarian-agenda-keusahawanan-di-ipt?highlight=WyJlc2FoYXdhbiJd>.
- Kisubi, M. K., Bonuke, R., & Korir, M. (2021). Entrepreneurship education and self-employment intentions: A conditional effect of entrepreneurial self-efficacy evidence from a developing country. *Cogent Business and Management*, 8(1). <https://doi.org/https://doi.org/10.1080/23311975.2021.1938348>.
- Laman Rasmi Kerajaan Negeri. (2024). Mengenai Sabah (Ekonomi). <https://sabah.gov.my/ms/content/ekonomi>.
- Liñán, F., & Rodríguez-Cohard, J. C. (2015). Assessing the stability of graduates' entrepreneurial intention and exploring its predictive capacity. *Academia Revista Latinoamericana de Administracion*, 28(1), 77–98. <https://doi.org/10.1108/ARLA-06-2013-0071>.
- Liñán, F., Rodríguez-cohard, J. C., & Rueda-Cantuche, J. M. (2011). Factors Affecting Entrepreneurial Intention Levels: A role for education. *International Entrepreneurship and Management Journal*, 7, 195–218. <https://doi.org/10.1007/s11365-010-0154-z>.
- Mahmood, R., & Ahmad, S. (2005). Ethical Perceptions of Small Business. *International Journal of Management and Entrepreneurship*, 1(2), 1294–1301.
- Mainor, N. A., & Lai, W. S. (2020). Perspektif Pelajar terhadap Budaya Bekerja Sendiri. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23(2), 1–13.
- Md Sum, S., Ramli, Z., & Mohd Sabri, N. S. (2021). Kesiediaan graduan memilih keusahawanan sebagai bidang kerjaya. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(4), 17–29. <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1704-02>.
- Meijerink, J., Keegan, A., & Bondarouk, T. (2021). Having their cake and eating it too? Online labor platforms and human resource management as a case of institutional complexity. *International Journal of Human Resource Management*, 32(19), 4016–4052. <https://doi.org/10.1080/09585192.2020.1867616>.
- Moy, J. W., & Lee, S. M. (2002). The career choice of business graduates: SMEs or MNCs? *Career Development International*, 7(6), 339–347. <https://doi.org/10.1108/13620430210444367>.
- Pallant, J. (2020). *SPSS Survival Manual* (7th Editio). Routledge. <https://doi.org/https://doi.org/10.4324/9781003117452>.
- Peter, B. Robinson, David, V. Stimpson, Jonathan, C. Huefner, & H. Keith Hunt. (1991). An Attitude Approach to the Prediction of Entrepreneurship. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 13–31.
- Ratten, V. (2023). Entrepreneurship: Definitions, opportunities, challenges, and future directions. *Global Business and Organizational Excellence*, 42(5), 79–90. <https://doi.org/10.1002/joe.22217>.
- Sekaran Uma, B. R. (2014). *Research Method in Business* Sekaran Uma, B. R. (2014). *Research Method in Business*. Paper Knowledge. Toward a Media History of Documents, 1–447. Paper Knowledge. Toward a Media History of Documents, 1–447.

- Shamsudin, A. S., & Abdul Rahman, H. (2013). Ethical Practices: Examining the Level of Islamic Work Ethic among Middle Level Administrators in Malaysian Public Universities. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 3(2), 309–320.
- Shariff, M. N. M., & Saud, M. B. (2009). An Attitude Approach to the Prediction of Entrepreneurship on Students at Institution of Higher Learning in Malaysia. *International Journal of Business and Management*, 4(4), 129–135. <https://doi.org/10.5539/ijbm.v4n4p129>.
- Soomro, B. A., Memon, M., & Shah, N. (2021). Attitudes towards entrepreneurship among the students of Thailand: an entrepreneurial attitude orientation approach. *Education and Training*, 63(2), 239–255. <https://doi.org/10.1108/ET-01-2020-0014>.
- Surianshah, W. N. S., Wei Sieng, L., Mohd Salleh, N. H., Mohd Idris, S. H., & Janor, H. (2020). Faktor mempengaruhi penglibatan belia dalam sektor perladangan Kelapa Sawit. *International Journal of Management Studies*, 28(1), 115–140. <https://doi.org/10.32890/ijms.28.1.2021.10559>.
- Zakaria, N. S., Ahmad, S. A., Yusof, N., Sarjono, F., Meri, A., & Baco, Z. (2023). Key Factors affecting Entrepreneurship and Self- Employment Intentions among Social Sciences and Humanities Students. *I3(9)*, 2246–2258. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v13-i9/18887>.
- Zakaria, N. S., & Awang Ahmad, S. (2023). Kerjaya sebagai usahawan: Kecekapan sendiri, ilmu dan sikap untuk bekerja sendiri sebagai usahawan. In N. F. Habidin, Y. Y. O. Sharon, N. Mohd Fuzi, T. W. Tuan Chik, & U. A. Muhamad (Eds.), *Penyelidikan dalam pengurusan teknologi* (Satu, pp. 156–172).
- Zakaria, N. S., Kee Mohd Yussof, K. Y. S., Ibrahim, D., & Tibok, R. P. (2020). Career after Graduation Future Graduates' Perceptions of Job Attributes in Small and Medium Enterprises (SMEs) and Multi- National Corporations (MNCs). *E-Bangi*, 17(6), 80–92.
- Zovko, L., Dulčić, Ž., & Bilić, I. (2020). Determinants of students' entrepreneurial intention: An empirical research. *Management (Croatia)*, 25(1), 25–44. <https://doi.org/10.30924/mjcmi.25.1.2>.